

MEMPERKASA HAK-HAK KEHARTAAAN WANITA ISLAM MELALUI PERANCANGAN HARTA

Maffuza Salleh¹, maffuza@kuis.edu.my, 016-3685598
Sharifah Hana Abdul Rahman², sharifahhana@kuis.edu.my.

ABSTRAK

Kesedaran wanita terhadap perancangan pewarisan masih rendah, meskipun kebanyakan mereka mengetahui kepentingan melindungi waris yang ditinggalkan. Statistik Amanah Raya Berhad sehingga 31 September 2017 menyatakan hanya 42 peratus wanita daripada 981,400 mendaftarkan wasiat. Perancangan pewarisan tidak pernah terlintas dalam fikiran kebanyakan wanita sehinggalah berlaku kematian suami yang menyebabkan mereka hilang tempat bergantung atau punca pendapatan terutama mereka yang tidak bekerja dan mempunyai tanggungan. Dalam pewarisan secara faraid, wanita menerima bahagian yang berbeza-beza berdasarkan hubungannya dengan si mati. Isteri merupakan waris yang mendapat bahagian yang paling sedikit sekiranya wujud waris-waris lain seperti ibu mertua, bapa mertua atau anak. Kajian ini akan memfokuskan kepada kaedah perancangan harta pewarisan selain faraid seperti yang boleh diaplikasi sebagai kaedah perancangan harta yang akan memudahkan urusan tuntutan harta pusaka sekiranya berlaku kematian pasangan. Metode kajian adalah kajian kepustakaan melalui analisis dokumentasi dan observasi. Dapatan kajian mendapati bahawa pemerkasaan hak kehartaan wanita melalui kaedah perancangan harta seperti hibah, hibah amanah dan wasiat dapat dilaksanakan dengan keprihatinan pasangan dan pihak-pihak berotoriti sebagai langkah persediaan sekiranya berlaku kematian pasangan. Diharapkan artikel ini dapat memberi gambaran kepada masyarakat dan pihak berautoriti dalam memperkasakan pengurusan hak kehartaan wanita dan tanggungannya selepas kematian suami.

Kata kunci: hak kehartaan, wanita, kaedah perancangan harta.

1.0 PENGENALAN

Wanita merupakan golongan rentan dalam masyarakat yang perlu dilindungi hak-hak mereka oleh syarak dan undang-undang. Perubahan zaman dari tradisional kepada kehidupan moden juga telah mengubah peranan wanita dalam masyarakat. Dahulu wanita tinggal di rumah menjaga urusan rumah tangga dan membantu suami namun kini, ramai wanita bekerja dan menyumbang kepada ekonomi keluarga. Namun begitu masih terdapat wanita yang tidak bekerja dan hanya menguruskan rumah tangga. Kertas kerja ini akan memfokuskan kepada pemerkasaan hak-hak isteri yang kematian suami dan tidak bekerja.

¹ Pensyarah di Jabatan Undang-Undang (JUJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

² Pensyarah di Jabatan Undang-Undang (JUJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

1.2 DEFINISI

Wanita didefinisikan sebagai orang perempuan. (Kamus Pelajar Edisi Kedua) <http://prpm.dbp.gov.my>. Wanita merupakan golongan rentan yang perlu dilindungi hak-hak mereka oleh syarak dan undang-undang.

Perancangan harta dalam Islam merujuk pengurusan harta yang sah di sisi hukum syarak dan undang-undang serta boleh dikuatkuasakan. Ia sebagai kaedah memastikan hasrat terakhir berkaitan harta seseorang terlaksana selepas kematiannya

Harta pusaka atau *al mirath* dari segi bahasa bermaksud kekal, perpindahan sesuatu harta daripada seseorang kepada seseorang yang lain. Dari sudut istilah pusaka adalah sesuatu yang ditinggalkan oleh si mati daripada harta benda dan hak-hak yang akan diwarisi oleh waris-warisan disebabkan kematian pewaris. (Mohd Zamro et. al, 2008 :71)

Harta pusaka merupakan segala harta yang ditinggalkan oleh si mati dalam bentuk harta alih atau harta tak alih. Harta tersebut diperoleh semasa hayatnya secara halal melalui jual beli, pewarisan pusaka, hibah, wasiat, hadiah, sedekah dan sebagainya. Pusaka juga termasuk sewa yang masih belum dijelaskan kepada si mati, hutang kepada si mati yang dijelaskan selepas kematiannya, dividen atau untung yang terbit dari harta si mati, wang simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau Kumpulan wang Simpanan Guru (KWSG), Pencen yang belum sempat ditunaikan oleh si mati semasa hayatnya, barang yang terbit selepas kematian seseorang hasil daripada usaha si mati semasa hayatnya seperti perniagaan, saham, takaful dan lain-lain serta harta penama (Ghazali Ibrahim. 2015:211)

1.3 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan. Penulis mengaplikasi metode dokumentasi dengan menganalisis data-data dari buku-buku ilmiah, jurnal, artikel dan keratan akhbar. Metode observasi juga turut diaplikasi.

1.4 WANITA DALAM FARAIID

Syariat Islam telah memberi hak kepada wanita dalam pusaka. Allah S.W.T berfirman yang bermaksud, *“orang-orang lelaki ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah)”*.

Ayat ini menegaskan bahawa wanita juga mempunyai hak dalam mewarisi harta peninggalan ibubapa ataupun kaum kerabat mereka. Kadar atau bahagian pusaka wanita yang berbeza-beza berdasarkan kedudukan mereka sebagai anak, ibu, isteri, kakak atau adik. Di antara ayat yang memfokuskan kadar bahagian atau hak para pewaris ialah ayat 11, 12 dan 176 surah al-Nisa'.

Di dalam ayat 12 surah al-Nisa' terdapat dua hukum yang berkaitan dengan hak wanita dalam pusaka. Pertama hak isteri terhadap harta peninggalan suami dan kedua hak adik-beradik perempuan seibu ke atas pusaka si mati.

1.4.1 KADAR PEWARISAN ISTERI

Kadar pusaka isteri dapat ditentukan menerusi ayat 12 surah al-Nisa' yang bermaksud, "*para isteri memperoleh seperempat harta yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Jika kamu mempunyai anak, maka para isteri memperoleh seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang kamu buat atau (dan) sesudah dibayar hutang-hutangmu*".

Ayat di atas menjelaskan bahawa isteri mendapat 1/4 daripada harta peninggalan suami sekiranya suami tidak memiliki anak. Jumhur ulama bersepakat mengatakan bahawa anak di dalam ayat tersebut bermaksud *furu' waris* iaitu anak atau anak kepada anak lelaki dan ke bawah, sama ada *furu' waris* berasal daripada isteri tersebut atau isteri yang lain (Zaidan.1994.267). Sekiranya suami mempunyai *furu' waris*, maka isteri hanya layak mendapat 1/8.

Contoh Pewarisan Isteri

a). Ahmad meninggal dunia dan meninggalkan seorang isteri, ibu dan adik lelaki kandung dengan meninggalkan wang berjumlah RM 1200.

Isteri, Ibu, adik lelaki kandung

1/4, 1/3, baki (5/12)

Cara pengiraan : $1/4 + 1/3 = \frac{3+4}{12} = 7/12$

RM1200 bahagi 12 = RM100 bagi setiap saham. Oleh itu isteri mendapat RM300, ibu mendapat RM 400 dan adik lelaki kandung mendapat RM 500.

b). Seorang lelaki meninggal dunia dan meninggalkan 3 orang anak perempuan, dua orang isteri, ibu dan bapa serta meninggalkan wang berjumlah RM540.

3 anak perempuan 2 isteri ibu bapa

2/3 1/8 1/6 1/6+ baki

Cara pengiraan : $2/3 + 1/8 + 1/6 + 1/6 = \frac{16+3+4+4}{24} = 27/24$ (masalah 'ailah)

RM540 bahagi 27 = RM20 bagi setiap satu bahagian. Oleh itu 3 orang anak perempuan mendapat RM320 (RM106.66 bagi setiap seorang), 2 orang isteri mendapat RM60 (RM30 setiap seorang), ibu dan bapa masing-masing mendapat RM 80.

1.4.2. KADAR PEWARISAN ADIK BERADIK

Ayat 12 surah al-Nisa' juga menjelaskan tentang kadar pembahagian pusaka bagi adik-beradik perempuan seibu bagi si mati melalui ayat yang bermaksud, "*Jika seseorang mati, baik lelaki mahupun perempuan yang tidak meninggalkan ayah dan tidak meninggalkan anak, tetapi mempunyai seorang saudara lelaki (seibu sahaja) atau seorang saudara perempuan (seibu sahaja), maka bagi masing-masing dari kedua jenis saudara itu seperenam harta. Tetapi jika saudara-saudara seibu itu lebih dari seorang, maka mereka bersekutu dalam yang sepertiga itu, sesudah dipenuhi wasiat yang dibuat olehnya atau sesudah dibayar hutangnya dengan tidak memberi mudarat (kepada ahli waris)*"

Ulama sependapat mengenai makna "*Kalalah*" di dalam ayat di atas iaitu seseorang meninggal dunia tanpa meninggalkan ayah (*asl*) mahupun anak (*fur'*) (Ibn Kathir.1994.610) Ulama juga bersepakat mengatakan bahawa "*akh*" dan "*ukht*" di dalam ayat ini ialah adik beradik lelaki dan

perempuan sebelah ibu sahaja kerana adik beradik seibu sebapa atau sebapa menerima pusaka dengan cara *ta'sib* (al-Qurtubiyy. 1995.68).

Perlu ditegaskan disini, adik beradik seibu tidak layak mendapat pusaka si mati sekiranya si mati memiliki ayah (*asl*) mahupun anak (*furc*). Mereka juga tidak layak mendapat pusaka sekiranya terdapat *mawani' al-irth* (penghalang daripada mendapat pusaka) seperti mereka kafir atau membunuh (Barraj. 1999.357).

Kadar yang diperolehi oleh adik beradik lelaki mahupun perempuan seibu ialah 1/6 atau 1/3. Apabila si mati meninggalkan seorang adik beradik lelaki seibu atau seorang adik beradik perempuan seibu maka masing-masing mendapat 1/6. Dan apabila si mati meninggalkan sekurang-kurangnya dua orang adik beradik seibu lelaki mahupun perempuan, maka mereka mendapat 1/3 daripada harta si mati yang dibahagi sama rata.

Contoh Pewarisan adik beradik seibu

a). Timah meninggal dunia dan meninggalkan suami, ibu, kakak kandung dan kakak seibu serta meninggalkan wang berjumlah RM840.

Suami mendapat 1/2, Ibu mendapat 1/6, kakak kandung mendapat 1/2, kakak seibu mendapat 1/6.

Cara pengiraan : $\frac{1}{2} + \frac{1}{6} + \frac{1}{2} + \frac{1}{6} = \frac{3+1+3+1}{6} = \frac{8}{6}$

RM840 bahagi 6 = RM140 bagi setiap satu bahagian. Oleh itu suami mendapat RM315, ibu mendapat RM140, kakak kandung mendapat RM315 dan kakak seibu mendapat RM140.

Daripada contoh pewarisan isteri dan adik beradik di atas, dapatlah disimpulkan bahawa isteri mendapat kadar paling rendah dalam pewarisan sekiranya wujud waris-waris lain seperti ibu, bapa, anak dan adik beradik.

1.4.3 KEADAAN DI MANA WANITA MENDAPAT SAMA ATAU LEBIH BAHAGIAN PUSAKA BERBANDING LELAKI

Dalam sesetengah keadaan, wanita boleh mendapat harta peninggalan si mati lebih daripada apa yang telah ditetapkan oleh syarak. Berikut adalah keadaan yang membolehkan wanita mendapat harta peninggalan lebih berbanding lelaki :

1. Kedua ibubapa akan mendapat 1/6 sekiranya si mati mempunyai anak. Adik beradik seibu mendapat bahagian yang sama tidak kira lelaki atau perempuan.

2. Melalui hibah. Seorang wanita boleh mendapat bahagian pusaka harta peninggalan si mati sebagaimana yang ditetapkan oleh al-Quran dan pada waktu yang sama dia juga boleh mendapat harta tersebut dengan cara hibah. Sebagai contoh seorang lelaki meninggal dunia dan meninggalkan isteri, ayah, seorang anak perempuan dan seorang anak lelaki. Sebelum meninggal lelaki tersebut telah menghadiahkan beberapa hartanya kepada anak perempuannya. Dalam keadaan ini anak perempuan tersebut bukan sahaja mendapat bahagian pusaka dengan cara *ta'sib* (berkongsi) dengan adik beradik lelaki tetapi dia juga berhak mengambil hibah yang telah diberikan si mati semasa hayatnya.

3. Perempuan boleh mendapat lebih daripada bahagian pusaka yang telah ditetapkan oleh syarak melalui *takharuj*. *Takharuj* bererti persetujuan oleh seorang pewaris atau kesemua pewaris untuk menarik diri daripada mengambil haknya dalam pusaka sebaliknya pewaris tersebut menerima sesuatu sebagai ganti, sama ada gantian tersebut diambil daripada peninggalan pusaka atau tidak. (Zaidan.1994.420). Dalam kata lain, pewaris menggugurkan haknya daripada mengambil harta pusaka. Telah diriwayatkan bahawa Abdul Rahman bin 'Auf mempunyai empat orang isteri. Semasa beliau dalam keadaan sakit tenat (*marad al-maut*), beliau telah menceraikan salah

seorang isterinya iaitu Tamadir bint al-Asbagh dan Abdul Rahman bin 'Auf meninggal ketika Tamadir dalam iddah. Maka dia layak menerima harta peninggalan Abdul Rahman sebanyak 1/8. dan Tamadir setuju menerima 1/4 daripada 1/8 bahagiannya, lalu dikeluarkan 83 ribu dinar sebagai gantiannya (al-Syalabiyy.1978.366).

Berdasarkan konsep *takharuj* ini, wanita boleh mendapat harta pusaka lebih daripada apa yang ditetapkan oleh syarak.

Walaupun kaum wanita mendapat separuh bahagian daripada lelaki namun separuh bahagian tersebut diterima sebagai nilai bersih. Manakala kaum lelaki yang menerima dua kali ganda tersebut menerimanya secara '*gross*' atau kasar. Bahagian *gross* tersebut masih perlu dikongsikan dengan orang lain seperti ibu bapa, isteri, adik beradik anak dan cucu. Manakala wanita yang menerima nilai bersih tersebut tidakpun bertanggungjawab berkongsi dengan orang lain walaupun suami atau anak mereka melainkan dengan kesukarelaannya. Dapatlah disimpulkan bahawa bahagian yang diterima lelaki sebenarnya jauh lebih kurang daripada bahagian yang diterima wanita.

Namun yang menjadi persoalannya ialah falsafah pembahagian ini tidak dihayati oleh sebahagian orang Islam. Terdapat orang lelaki yang menghabiskan bahagiannya semata-mata untuk dirinya sendiri dan meminggirkan orang lain yang mempunyai hak secara tidak langsung terhadap bahagian mereka. Contohnya mereka tidak membantu memberi nafkah kepada isteri kepada abang atau adik lelaki yang meninggal dunia, tetapi mewarisi harta si mati dalam jumlah melebihi kadar yang diperolehi balu si mati.(Zainul Rijal. 2017)

Jelaslah di sini isunya adalah perlaksanaan. Bukan hukum itu yang perlu dimansuhkan. Hukum tersebut sudah sangat cantik dan adil ia perlu diperindahkan dengan pelaksanaan yang betul atau diadakan satu bentuk perancangan harta bagi menjaga kebajikan isteri yang kematian suami. Isu inilah yang menjadi fokus penulis dalam kertas kerja ini.

Dalam Islam, tanggungjawab membayar nafkah tidak akan berpindah ke pihak perempuan dalam apa keadaan sekalipun kerana sekiranya suami atau bapa tidak berkemampuan membayar nafkah isteri atau anak-anak, tanggungjawab tersebut dipindahkan kepada datuk sebelah bapa, adik beradik lelaki dan sesiapa yang hampir dari kalangan keluarga lelaki tersebut. Faktor kurangnya penghayatan masyarakat tentang perkara ini menyebabkan wanita yang kematian suami terkapai-kapai meneruskan kehidupan tanpa sebarang bantuan nafkah yang sepatutnya mereka perolehi dari keluarga suami(si mati). Dalam sesetengah kes, isteri dizalimi oleh keluarga mentua yang tamak. Mereka membolot harta pusaka si mati malah ada yang menghalau isteri keluar dari rumah peninggalan suami.

Bagi harta penama pula seperti wang dalam akaun KWSP, takaful, saham dan sebagainya, si mati menamakan ibu bapa atau ahli keluarganya atau menamakan anak di bawah umur. Selepas kematian, kesukaran dihadapi pasangan yang ditinggalkan sekiranya penama membolot kesemua wang tersebut kerana tamak atau tidak memahami peranannya sebagai wasi dan bukannya pemilik mutlak harta tersebut. Manakala penamaan anak di bawah umur pula, menurut undang-undang, harta akan diserahkan kepada Amanah Raya Berhad sehinggalah anak tersebut berumur 18 tahun. Justeru, satu mekanisme perlu diwujudkan bagi mengatasi permasalahan ini.

1.5 KAEDAH PERANCANGAN BAGI MEMPERKASA HAK KEHARTAAAN WANITA KEMATIAN SUAMI

Konsep pengurusan harta secara Islam meliputi lima elemen utama seperti berikut:

- i. Penghasilan harta dengan usaha dan tenaga (Al-Jumu'ah: 10, al-Qasas: 77)
- ii. Pengumpulan harta melalui cara penyimpanan dan pelaburan (Yusuf: 47- 48)
- iii. Perlindungan harta demi keselesaan masa depan (al-Hasyr: 18)
- iv. Pengagihan harta melalui instrumen wasiat (Al-Baqarah: 180), Hibah (Al-Baqarah: 177), wakaf (Ali Imran: 920) dan lain-lain.
- v. Penyucian harta melalui zakat dan amal jariah (Al-Baqarah: 195).

Penulis akan membincangkan tentang pengagihan harta melalui instrumen wasiat dan hibah. Kaedah ini juga disebut sebagai kaedah perancangan harta semasa hidup.

1.5.1 PERANCANGAN HARTA SECARA WASIAT

Antara kaedah perancangan harta yang boleh dilakukan oleh suami adalah membuat wasiat secara dokumen dengan menyatakan secara jelas jenis, kriteria dan jumlah harta. Contohnya memasukkan harta sepencarian. Dicadangkan memasukkan klausa sekiranya salah satu pasangan meninggal terlebih dahulu, pasangan yang hidup mendapat keseluruhan harta. Kebiasaannya rumah, kereta merupakan harta sepencarian. Dokumen wasiat sebegini perlu dibuat secara sah menurut syarak dan undang-undang agar dapat memudahkan kehidupan sekiranya suami meninggal terlebih dahulu.

Wasiat menamakan isteri sebagai pentadbir harta anak bawah umur juga perlu dibuat bagi harta penama KWSP bagi memudahkan isteri mengurus dan membesarkan anak-anak selepas ketiadaan suami.

Wasiat melantik seseorang yang dipercayai sebagai pentadbir dan pengurus pembahagian harta pusaka.

1.5.2 PERANCANGAN HARTA SECARA HIBAH .

Hibah bermaksud pemberian, sedekah atau hadiah melibatkan akad yang mengandungi pemberian hak milik oleh pemilik harta kepada seseorang secara sukarela semasa hayatnya atas dasar kasih sayang tanpa mengharapkan balasan. Hukum Hibah adalah harus (Al-Baqarah: 177) dan ianya tidak boleh ditarik balik atau membatalkannya setelah berlaku *al-Qabd* (penerimaan). Pengecualian bagi kes menarik balik hibah hanya terhad kepada pemberian hibah seorang bapa kepada anaknya atau datuk kepada cucunya.

Hibah menjadi pilihan kerana dilihat dapat memberi keadilan kepada waris-waris. Suami boleh menghibahkan sebahagian hartanya atau harta tertentu kepada isteri. Namun hibah yang dilakukan hendaklah tidak berperanan mengambil alih hukum faraid dan wasiat. Hibah boleh dibuat secara terus dengan membuat pindah milik harta seperti menukar nama di atas geran rumah atau kereta.

Hibah Amanah merupakan satu produk perancangan harta secara hibah pada masa kini. Perancangan harta secara hibah amanah boleh dilakukan melalui penamaan dalam produk takaful, akaun Tabung Haji dan juga akaun Amanah Saham Bumiputera.

Hibah Amanah **TH** adalah pemberian Harta Hibah Amanah daripada akaun simpanan **TH** oleh Pemberi Hibah Amanah (Pendeposit) semasa hidupnya kepada Penerima Hibah Amanah atas dasar kasih sayang, secara sukarela, tanpa paksaan dan tanpa mengenakan sebarang balasan dan berlakunya ijab dan qabul di antara Pemberi Hibah Amanah dan Penerima Hibah Amanah.

Harta Hibah Amanah ini akan dipegang oleh penodeposit yang bertindak sebagai Pemegang Amanah dan akan diserahkan milik kepada Penerima Hibah Amanah selepas kematian penodeposit dan/ atau kepada waris Penerima Hibah Amanah sekiranya Penerima Hibah Amanah meninggal dunia terlebih dahulu. (<https://www.tabunghaji.gov.my/ms/simpanan/perkhidmatan/hibah-amanah-th>)

Individu yang dinamakan sebagai penerima hibah amanah dianggap sebagai pemilik mutlak harta tersebut selepas kematian penodeposit. Dicaadangkan agar pihak suami menamakan isteri sebagai penerima hibah amanah bagi akaun Tabung Haji, takaful dan Amanah Saham Bumiputera sebagai langkah persediaan pada masa hadapan.

1.6 KESIMPULAN

Hukum faraid dalam Islam adalah sangat cantik dan adil. Hukum yang ada tidak perlu diubah walaupun keadaan dan cara hidup masyarakat telah berubah. Kepincangan yang berlaku adalah dari sudut perlaksanaannya berpunca dari sikap atau kurangnya penghayatan waris-warisi mati terhadap hak terhadap harta pusaka serta tanggungjawab nafkah yang wajib mereka tunaikan ke atas balu si mati. Kaedah perancangan harta yang telah penulis kemukakan amatlah penting untuk dilaksanakan sebagai langkah perlindungan dan pemerkasaan hak kehartaan wanita sekiranya suami meninggal dunia terlebih dahulu.

Sekiranya tiada perancangan harta dibuat oleh suami, tolak ansur dalam kalangan ahli waris dari keluarga mertua boleh dilakukan dengan melepaskan haknya kepada balu si mati. Pendekatan berasaskan muafakat ini telah lama diamalkan dalam masyarakat Melayu.

Penulis berharap penulisan ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat serta mendapat perhatian daripada pihak-pihak berotoriti untuk mengkaji pelaksanaannya.

RUJUKAN

Alias Bin Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman & Fauziah Mohd Noor. 2014. *Pengurusan Harta Dalam Islam: Perspektif Hibah Di Malaysia*. Journal of Human Development and Communication. Volume 3. [115-128]

Ghazali Ibrahim, 2015, *Pembahagian Harta Pusaka Dan Kepentingan Wasiat*, Mustread Sdn. Bhd. Batu Caves, Selangor.

Hak Wanita Dalam Pusaka Menerusi Ayat 11, 12 Dan 176 Surah Al-Nisa, 9 September 2006, kertas kerja Seminar Wanita Dan Undang-undang anjuran UiTM, Johor pada bertempat di Renaissance Hotel, Melaka.

Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin Kathir. *Tafsir al-quran al-'azim*. Jil.1. 1994. Riyad. Dar al-Salam

Kamus Pelajar Edisi Kedua.30 November 2018. <http://prpm.dbp.gov.my>.

Mohd Anuar Ramli, Mohammad Aizat Jamaludin, Muhammad Ikhlas Rosele. t.t. *Hak Pewarisan Wanita: Antara Ketetapan Syariat Dengan Tuntutan Perubahan Sosial*

Mohd Zamro Muda et. al, 2008, *Pengantar Undang-Undang Dan Pentadbiran Pusaka, Wasiat Dan Wakaf Orang Islam Di Malaysia*, Jabatan Syariah , FPI, UKM Bangi.

Al-Syalabiy, Muhammad Mustafa.1978. *Ahkam al-mawarith bayna al-fiqh wa al-qanun*. .Beyrut. Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.

Zaidan, Abd al-Karim. Cet.2.1994. *Al-mufassal fi ahkam al-mar'ah wa al-bayt al-muslim fi syari'ah al-Islamiyyah*.. Beyrut. Muassasah al-Risalah.

Zainul Rijal Abu Bakar. 21 Oktober 2017. *Ke Arah Penghayatan Dan Perlaksanaan Faraid Dan Hibah Yang Sebenar*. Ucaptama Seminar Hibah vs Faraid. Anjuran Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM & Persatuan Guaman Hartanah Malaysia (HARTAGUAM)

Laman sesawang Tabung Haji.

<https://www.tabunghaji.gov.my/ms/simpanan/perkhidmatan/hibah-amanah-th>